

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PELAN TINDAKAN TEKNOLOGI HIJAU NEGERI SELANGOR 2015 - 2018

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berdasarkan Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2015 - 2018, apakah pencapaian utama Kerajaan Negeri Selangor selepas pelan ini diluluskan pada tahun 2015?
- b) Adakah Geran Kecil Teknologi Hijau akan diteruskan dan sekiranya ya, berapakah bajetnya?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : KEROSAKAN INFRASTRUKTUR

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah jejambat di Persiaran KWSP Sungai Tangkas Bandar Baru Bangi yang kelihatan retak teruk pada zahirnya, masih selamat digunakan oleh orang ramai?
- b) Apakah tindakan untuk menyelesaikan masalah di atas?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan ulasan pihak perunding yang dilantik, jejambat tersebut masih selamat digunakan. Pihak MPKj juga telah mengambil langkah-langkah sementara dengan mengeluarkan Notis Arahan kepada semua pemaju yang menggunakan jejambat tersebut agar mematuhi tempoh masa penggunaan kenderaan berat iaitu pada hari Isnin, Rabu dan Jumaat pada jam 10.00 pagi sehingga 4.00 petang sahaja.
- b) Pihak MPKj telah melantik perunding dan kontraktor bagi kerja-kerja ujian konkrit ke atas tiang - tiang di bawah jejambat tersebut bagi mengenalpasti punca keretakan. Sehubungan itu, kerja-kerja ujian tersebut dijangka siap pada awal bulan Februari 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN INDUSTRI PELANCONGAN

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan tindakan Kerajaan Negeri Selangor untuk membangunkan industri pelancongan.
- b) Apakah perancangan kerajaan untuk membangunkan industry pelancongan di DUN Rawang?
- c) Nyatakan jumlah pekerjaan yang telah dicipta oleh industri pelancongan.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menjalankan beberapa usaha dan program khusus untuk membangunkan industri pelancongan negeri. Antara program dan usaha yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. **Lawatan Teknikal Produk Pelancongan**

Lawatan teknikal produk pelancongan ini adalah bertujuan untuk Kerajaan Negeri dan agensi-agensi teknikal kerajaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan Tourism Selangor melawat produk pelancongan baharu atau pun produk pelancongan sedia ada yang berpotensi dibangunkan dan dipromosikan dan seterusnya menilai kesediaan produk pelancongan tersebut untuk menawarkan perkhidmatan kepada pelancong.

Lawatan ini juga bersifat khidmat nasihat kepada pengusaha industri pelancong dari segi keperluan memenuhi syarat yang telah ditetapkan seperti memiliki lesen yang sah sehinggalah kepada cadangan pembangunan promosi. Tourism Selangor pula akan memasukkan produk pelancongan yang dilawati ini di dalam senarai produk pelancongan negeri dan seterusnya dipromosikan di platform yang bersesuaian termasuklah di dalam siri promosi dalam dan luar negara.

Sesi lawatan ini dijalankan sepanjang tahun mengikut jadual dan sebanyak 16 sesi lawatan teknikal telah dijalankan di 16 kawasan pelancongan sepanjang tahun 2018.

ii. **Program Pembangunan Pakej Produk Pelancongan**

Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan, agensi pelancongan, syarikat penerbangan dan juga persatuan pelancongan seperti Malaysian Association of Tour & Travel Agents (MATTA) dan Malaysia Association of Hotels (MAH) telah membangunkan sebanyak 14 pakej pelancongan dan dilancarkan mengikut pasaran sepanjang Tahun 2018. Penglibatan Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor ini dalam pembangunan pakej produk pelancongan ini dilihat berjaya dan mendapat sambutan yang amat baik di kalangan penggiat pelancongan negeri.

iii. **Program Hos Komuniti Pemandu Pelancong Negeri Selangor**

Program Hos Komuniti Selangor ini merupakan program pemangkin menggunakan pendekatan '*Community Base Tourism Delivery Management*'. Program ini diadakan adalah untuk melatih pemandu pelancong setempat di seluruh Negeri Selangor secara profesional. Buat masa ini, program ini dilaksanakan di tiga (3) buah daerah iaitu, Daerah Klang, Daerah Kuala Selangor dan Daerah Sabak Bernam di mana 20 orang peserta daripada setiap daerah telah dipilih melalui saringan temu duga.

Program ini dianjurkan bagi mencapai manfaat untuk meningkatkan pendapatan komuniti luar bandar selain menjadikan budaya dan warisan setempat sebagai produk pelancongan yang mapan. Program ini juga dapat menggalakkan komuniti setempat untuk memulihara warisan tempatan dan membangunkan produk pelancongan yang mesra alam sekitar. Program yang diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia ini akan diperluaskan kepada daerah-daerah yang lain di Negeri Selangor.

iv. **Program FAM (Familiarization) Tour**

Program FAM Tour atau FAM Trip adalah bertujuan untuk membiasakan peserta dengan destinasi dan produk pelancongan seterusnya mempromosikan potensi produk pelancongan tersebut.

Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Tourism Selangor melaksanakan sesi FAM Tour ini yang dijalankan sepanjang tahun bersama Agensi Pelancongan serta Media tempatan dan antarabangsa untuk membantu membangunkan pakej pelancongan seterusnya membantu mempromosikan produk pelancongan Negeri Selangor ke pentas global.

Sehingga kini, sebanyak 24 sesi lawatan FAM Tour telah dijalankan oleh Tourism Selangor dan UPEN mengikut kepelbagaian pasaran yang dilihat amat berkesan membantu membangunkan produk pelancongan di Negeri Selangor.

- b) Kerajaan Negeri sentiasa memantau dan melihat peluang-peluang dan potensi baharu yang boleh dikembangkan di dalam industri pelancongan negeri termasuklah di DUN Rawang.

Rawang adalah sangat berpotensi untuk diteroka dari aspek sejarah dan warisan memandangkan Rawang adalah salah sebuah pekan atau bandar bersejarah di dalam Negeri Selangor yang bermula seawal tahun 1800. Sumbangan besar Rawang kepada negeri dan Tanah Melayu ketika itu adalah di dalam industri bijih timah. Rawang juga telah menyaksikan beberapa sejarah penting termasuklah Pertempuran Rawang 1871 di antara kumpulan-kumpulan Yap Ah Loy yang bersekutu dengan Tengku Kudin menentang tentera Syed Mashor.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor akan melihat semula peluang dan potensi pelancongan Rawang dari sudut sejarah dan warisan dengan kerjasama Perbadanan Adat Melayu & Warisan Negeri Selangor (PADAT), Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, Majlis Perbandaran Selayang dan agensi-agensi serta NGO yang berkaitan.

Pada masa yang sama juga, Kerajaan Negeri akan melihat dan menilai semula tahap kesediaan serta keperluan asas pembangunan kemudahan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Selayang bertujuan untuk meningkatkan Industri Pelancongan di DUN Rawang dan kawasan berpotensi tinggi menjadi kawasan pelancongan dan riadah yang menarik seperti berikut:

- i. Pembangunan Pelancongan dari segi penyediaan kemudahan infrastruktur yang mesra alam dan mesra pelancong;
- ii. Kemudahan jalan serta akses, tempat parkir dan nilai komersial menggambarkan “x-faktor” dan keunikan yang ada pada sesuatu tempat yang menjadi tarikan kepada orang ramai untuk datang ke tempat pelancongan tersebut;
- iii. Kemudahan awam seperti tandas, surau, papan tanda jalan dan taman permainan; dan
- iv. Aktiviti promosi yang dijalankan oleh pihak Tourism Selangor bersama-sama organisasi pelancongan yang lain termasuklah Majlis Perbandaran

Selayang bagi memasarkan produk pelancongan dan kawasan riadah yang ada di kawasan DUN Rawang kepada para pelancong.

- c) Mengikut data statistik daripada Jabatan Statistik Malaysia yang telah dikeluarkan pada 20 Oktober 2018, Industri Pelancongan menyumbangkan 23.2% iaitu, sebanyak 3.4 juta pekerja daripada keseluruhan bilangan pekerja di Malaysia. Pecahan pekerja dalam bidang pelancongan ini terdiri daripada Perdagangan Runcit (33.7%), Makanan & Minuman (32.3%) dan Perkhidmatan Pelancongan Khusus (17.7%).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : TABUNG PEMULIHAN PROJEK TERBENGKALAI (TEPAT) SELANGOR

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah yang diperuntukan kepada Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai (TEPAT) bagi membantu memulihkan projek terbengkalai di Selangor secara terperinci.
- b) Nyatakan projek yang telah dan akan dipulihkan dibawah TEPAT Selangor secara terperinci.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai (TEPAT) telah disalurkan pada Tahun 2016 berjumlah RM18,000,000.00 bagi membantu memulihkan kemudahan infrastruktur projek perumahan terbengkalai. Kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada projek Terbengkalai Tanpa Lesen dengan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi projek Rumah Kos Rendah (RKR) Dan Kos Sederhana Rendah (RKSR).
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga tahun 2018 Kerajaan Negeri melulus dan melantik Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sebagai "Project management Consultant (PMC) untuk pemulihan kemudahan infrastruktur bagi projek Taman Desa Mawar, Mukim Hujung Permatang, Daerah Kuala Selangor. Dan PKNS melantik secara terus Syarikat Grandmas Development Sdn. Bhd sebagai kontraktor utama. Kos untuk membaikpulih projek berkenaan adalah sebanyak RM6,360,000.00. Manakala Kerajaan Negeri juga masih dalam peringkat kajian awalan ke atas penyediaan kerja-kerja infrastruktur bagi cadangan dua (2) projek perumahan terbengkalai iaitu Pembesaran Kg. Melayu Rasa, Ampang Pechah dan Kg Koskan, Sg Choh Hulu Selangor melalui Tabung TEPAT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : KEBAJIKAN GOLONGAN WARGA USIA EMAS

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri merancang untuk mewujudkan satu skim seperti KISS bagi membantu warga emas yang tiada sumber ekonomi yang stabil di usia itu?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan semula skim Jom Shopping khas warga emas seperti seperti dahulu?

JAWAPAN:

Soalan (a) dan (b) dijawab bersekali:-

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini bantuan kepada golongan warga emas telah diberikan melalui Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) yang dikendalikan oleh pihak Rangkaian Mesra Sdn Bhd yang berbentuk bantuan khairat kematian sebanyak RM2,500.00 tanpa mengira jantina, kaum, agama, fahama politik, status ekonomi dan tahap soail khusus kepada golongan warga emas dan orang kurang upaya (OKU). Bantuan kewangan tersebut sekali gus dapat meringankan beban ahli keluarga dalam pengurusan jenazah.

Sebagai kerajaan yang prihatin terhadap golongan warga emas yang juga merupakan sebahagian daripada masyarakat di Selangor, Kerajaan Negeri kini sedang dalam pertimbangan untuk memberikan manfaat kepada ahli SMUE semasa hidupnya dan beberapa cadangan lain akan dipertimbangkan di peringkat Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : BANJIR KILAT

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah persediaan Kerajaan Negeri sekiranya berlaku banjir kilat?
- b) Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi membantu mangsa banjir kilat dari 2016-2018.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Unit Pengurusan Bencana telah membuat persediaan dengan mengadakan Mesyuarat *Working Group* yang melibatkan jabatan teknikal, agensi respons dan agensi bantuan di peringkat Negeri Selangor bagi membincangkan dan menyediakan pelan tindakan menghadapi bencana.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor juga telah mengeluarkan Surat Arahan Persediaan Menghadapi Bencana kepada semua Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan amaran awal kepada orang awam melalui hebahan kenyataan media. Perincian tarikh-tarikh pelaksanaan tersebut adalah seperti di jadual berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH PELAKSANAAN	
1.	MESYUARAT	BIL. 1 : Musim Kering	16 Mei 2018
		BIL. 2 : Fenomena Air Pasang Besar	6 Ogos 2018
		BIL. 3 : Musim Monsun Timur Laut	15 Oktober 2018
2.	SURAT ARAHAN	Persediaan Menghadapi Bencana Peringkat Tinggi Bagi Fenomena Air Pasang Besar Pada September – Oktober 2018	28 Ogos 2018
		Persediaan Menghadapi Bencana Peringkat Tinggi Di Negeri Selangor	5 Oktober 2018
		Surat Arahan Persediaan Menghadapi Bencana Bagi Musim Monsun Timur Laut	17 Oktober 2018
3.	KENYATAAN MEDIA	Persediaan Menghadapi Fenomena Air Pasang Besar Bulan September 2018	5 September 2018
		Persediaan Menghadapi Fenomena	4 Oktober 2018

		Air Pasang Besar Bulan Oktober 2018	
		Persediaan Menghadapi Musim Monsun Timur Laut	17 Oktober 2018

- b) Berikut adalah jumlah perbelanjaan bagi membantu mangsa **banjir kilat** dari tahun 2016 – 2018:

TAHUN		
2016	2017	2018
RM511,920.66	RM351,156.30	RM188,155.30

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : SISA LOJI AIR

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Apakah langkah yang sepatutnya di ambil untuk mengelakkan sisa-sisa lumpur ini supaya tidak mencemar sungai dan parit?

JAWAPAN:

b) Loji-Loji Rawatan Air Sg Selangor Fasa 1, 2 dan 3 menggunakan Sistem Lagun bagi proses rawatan sisa air.

Bagi Loji Rawatan Air Sg Selangor Fasa 2 (SSP2), pihak Air Selangor telah mengambil langkah dan tindakan perlu bagi mengelakkan sisa-sisa lumpur daripada mencemar sungai dan parit seperti berikut :

1. Menjalankan kerja-kerja pengorekkan lumpur (“desilting works”) di kawasan lagun dan melupuskannya ke Tapak Pelupusan Khas Bukit Badong bagi mengelakkan limpahan lumpur ke sungai dan parit berdekatan. Kerja-kerja “desilting” tersebut dilaksanakan secara berterusan.
2. Melaksanakan pensampelan kualiti efluen yang dilepaskan serta dilaporkan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar melalui “Online Effluent Reporting” secara mingguan berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974.
3. Air Selangor juga telah merancang dan memperuntukkan bajet CAPEX 2019 bagi Rekabentuk & CAPEX 2020 untuk pembinaan Sistem Rawatan Enapcemar Mekanikal (“Sludge Treatment Facility, STF”) bagi menggantikan sistem konvensional yang menggunakan sistem lagun untuk proses rawatan sisa air. Sistem Rawatan Enapcemar Mekanikal ini merupakan sistem aliran efluen sifar (“zero discharge”).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : RUMAH TERBIAR DAN TIDAK BERPENGHUNI

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Rumah terbiar ("abandoned houses") adalah isu berbangkit bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Tanggungjawab PBT terhad kepada pembersihan dan pemotongan rumput yang berkala. Berapakah bilangan rumah terbiar yang dilaporkan oleh semua PBT Selangor?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu ini?

JAWAPAN:

- a) Bilangan rumah terbiar yang dilaporkan oleh PBT adalah sebanyak 4907 buah. Berikut adalah perincian jumlah rumah terbiar mengikut PBT masing-masing.

Jadual 1: Jumlah bilangan rumah terbiar yang dilaporkan mengikut PBT

PBT	JUMLAH BILANGAN RUMAH TERBIAR YANG DILAPORKAN
MBSA	1995
MBPJ	178
MPK	114
MPAJ	360
PBT	JUMLAH BILANGAN RUMAH TERBIAR YANG DILAPORKAN
MPSJ	568
MPS	190
MPKj	119
MPSp	152
MDKL	988

MDHS	63
MDKS	150
MDSB	30
JUMLAH	4907

Nota: Sumber data daripada PBT

- b) Kerajaan Negeri melalui PBT menjalankan penguatkuasaan di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Notis Menghendaki Kacau Ganggu Dihapuskan dikeluarkan kepada pemilik / pemunya untuk membersihkan kawasan mereka. Sekiranya ingkar notis, kerja-kerja pembersihan akan dilaksanakan oleh PBT dan segala kos yang terlibat akan dituntut daripada pemilik. Bagi pendekatan jangka pendek, PBT menjadikan amalan kerja membersihkan rumput dan semak samun di rumah-rumah kosong yang terbiar dan terbengkalai sebanyak dua (2) kali dalam tempoh setahun bagi mengelakkan kacaugangu di kawasan perumahan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PENGELUAR INDUSTRI MAKANAN NEGARA

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain dikenali sebagai negeri industri perkilangan, adakah Kerajaan Selangor mahu menjadikan Selangor negeri pengeluar industri makanan negara?

JAWAPAN:

- a) Negeri Selangor lebih dikenali sebagai sebuah negeri yang bertunjangkan ekonomi di sektor perkhidmatan dan pembuatan. Ini telah dibuktikan dengan jumlah Keluaran Negeri Dalam Negeri Kasar (KDNK) telah menyumbang lebih kurang 90% dari keseluruhan KDNK Negeri Selangor jika di bandingkan dengan sektor pertanian yang hanya 1.4% sahaja.

Pada ketika ini, Negeri Selangor sukar untuk mencapai ke arah menjadi sebagai pengeluar makanan utama negara. Faktor utama kepada fakta tersebut adalah disebabkan oleh keluasan tanah untuk pertanian yang semakin mengecil akibat dari pertembungan guna tanah dengan kawasan perumahan dan juga komersial. Namun begitu, Negeri Selangor boleh menjadi sebagai sebuah negeri pengeluar hasil pertanian proses yang terbesar serta sebagai pusat pengumpulan hasil pertanian disebabkan faktor lokasi yang amat strategik serta asas sebagai sebuah negeri yang berpaksikan kepada sektor pembuatan yang kuat.

Walau bagaimanapun, dasar Kerajaan Negeri pada ketika ini adalah lebih menumpukan kepada pertanian makanan yang bercirikan teknologi moden selari dengan dasar *Industrial Revolution 4.0 (IR4.0)* yang menumpukan kepada penggunaan teknologi dan jentera moden tanpa melibatkan kawasan tanah yang luas tetapi masih boleh mengeluarkan hasil yang tinggi dan berkualiti. Contoh terbaik adalah tanaman berkonsepkan fertigasi di mana Negeri Selangor pada ketika ini adalah merupakan salah sebuah negeri yang mempunyai jumlah projek fertigasi tertinggi di Malaysia.

Selain dari itu juga, dasar Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendapatan golongan petani dan penternak adalah menggalakkan projek yang mempunyai nilai tinggi atau *High Value Agriculture Product (HVAP)* dan kesemuanya ini bertunjangkan kepada 5 teras iaitu :-

1. Inisiatif hasil pertanian bernilai tinggi atau *High Value Agriculture Product (HVAP)*;
2. Aplikasi Teknologi dan Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D);
3. Pembangunan Agroprenuer;
4. Peningkatan Pengeluaran Dan Kualiti;
5. Agro Pelancongan; dan
6. Melengkap Rantaian Nilai (*Value Chain*) bermula dari pengeluaran sehingga ke pemasaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN EKONOMI PETANI DAN PENTERNAK

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif baharu Kerajaan Negeri untuk membangunkan ekonomi petani dan penternak?
- b) Senaraikan bantuan yang telah diberikan kepada petani dan penternak dari 2016-2018.

JAWAPAN:

- a) Inisiatif baharu Kerajaan Negeri di dalam membangunkan ekonomi petani dan penternak adalah dengan memberikan galakan dan insentif yang berbentuk pertanian berteknologi moden serta projek-projek pertanian yang mempunyai nilai tinggi *High Value Agriculture Product (HVAP)* serta mengamalkan konsep pertanian *persis (precision agroculture)*.
- b) Antara projek-projek pertanian tanaman yang diberikan tumpuan adalah berkonsepkan fertigasi manakala bagi pesawah pula, penggunaan *drone* untuk kerja-kerja pengawalan serangga perosak dan baja tanaman. Amalan-amalan pertanian tersebut boleh mengurangkan kos tenaga buruh dan dalam masa yang sama, ketepatan penggunaan baja dan pengawalan serangga perosak boleh mengoptimalkan keuntungan pengusaha.

Jumlah bantuan yang telah diberikan kepada golongan petani dan penternak dari tahun 2016 hingga 2018 adalah seperti berikut :-

BIL.	TAHUN	BIDANG	JUMLAH (RM)
1.	2016	Tanaman	12,016,000
		Penternakan	2,455,727
		JUMLAH	14,471,727
2.	2017	Tanaman	19,522,557
		Penternakan	2,700,855
		JUMLAH	22,223,412
3.	2018	Ternakan	12,397,952
		Penternakan	2,385,070
		JUMLAH	14,783,022

		JUMLAH KESELURUHAN	51,686,668
--	--	-------------------------------	-------------------

***Nota : Pertambahan ketara pada tahun 2017 adalah disebabkan oleh Bantuan Khas Kewangan Kepada Pesawah akibat serangan *Bacterial Leaf Blight (BLB)* sebanyak RM8 juta.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGERIK)**

TAJUK : PERPUSTAKAAN KOMUNITI

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan terkini Kerajaan Negeri dalam menggalakkan pembukaan perpustakaan komuniti di kawasan-kawasan yang didiami oleh kumpulan berpendapatan rendah yang memiliki akses terhad kepada kemudahan perpustakaan?

JAWAPAN:

a) Perancangan Kerajaan Negeri:-

- 1.1 Kerajaan Negeri Selangor sentiasa prihatin dan mengambil berat mengenai rakyat yang berpendapatan rendah atau golongan B40 yang memiliki akses terhad kepada kemudahan awam.
- 1.2 Dalam peruntukan RMK-11 (bagi tahun 2016-2020), selain daripada penaiktarafan perpustakaan awam sedia, Kerajaan Negeri memperuntukkan pembangunan perpustakaan baharu setiap tahun.
- 1.3 Bagi tiga (3) tahun terakhir di bawah RMK-11, berikut ialah perancangan penaiktarafan kemudahan perpustakaan (*makeover*) dan pembukaan perpustakaan baharu berkonsep *rebranding*:

Bil.	Tahun	Kategori	Daerah
1.	2018	2 Daerah	Kuala Langat Hulu Selangor
2.		2 Desa	Jeram Bukit Kapar
3.		1 Desa (bina baru)	Puchong Indah
4.	2019	2 Daerah 1 Pekan 4 Desa 1 Desa (bina baru)	

5.	2020	1 Daerah 1 Pekan 5 Desa 1 Desa (bina baru)
----	-------------	---

- 1.4 Di samping peruntukan menaik taraf dan mewujudkan perpustakaan awam-perpustakaan awam di kawasan kumpulan berpendapatan rendah, Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sebanyak RM750,000.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Lima Puluh Ribu) untuk membeli tiga (3) buah van untuk dijadikan sebagai perpustakaan bergerak, yang kini dikenali sebagai #SmartSelangor Mobile Library.
- 1.5 Pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) juga mengalukan usahasama ataupun *smart partnership* di antara PPAS dengan jabatan kerajaan. Contohnya seperti usahasama dengan dengan pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), yang telah menyumbang sebanyak RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta) untuk membeli empat (4) buah lagi van untuk tambahan perkhidmatan #SmartSelangor Mobile Library, menjadikan jumlah keseluruhan van #SmartSelangor Mobile Library sebanyak tujuh (7) buah.
- 1.6 Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perkhidmatan #SmartSelangor Mobile Library ini ditumpukan kepada kumpulan sasar sebagai mana pertanyaan Yang Berhormat Kota Anggerik. Pemilihan lokasi bagi 7 unit #Smartselangor Mobile Library adalah ditentukan oleh pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) melalui Badan Pengurusan Bersama atau *Joint Management Body (JMB)*, dan juga berdasarkan tinjauan yang dibuat oleh pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) di pangsapuri-pangsapuri kos rendah, Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Ini termasuklah kawasan Felda seperti Felda Gedangsa di Hulu Selangor.
- 1.7 Secara keseluruhannya, #SmartSelangor Mobile Library telah memberi perkhidmatan perpustakaan bergerak di 80 lokasi yang melibatkan tujuh (7) daerah di Negeri Selangor seperti berikut:

Bil	Daerah	Tempat	Lokasi
-----	--------	--------	--------

1	Petaling	Petaling Jaya	8
		Subang Jaya	6
2	Klang	Klang	7
3	Kuala Lang at	Banting	5
4	Sepang	Sepang	10
5	Hulu Lang at	Ampang Jaya	14
		Kajang	10
6	Gombak	Selayang	10
7	Hulu Sela ngor	Hulu Sela ngor	10
Jumlah			80

- 1.8 Selain usahasama mewujudkan #SmartSelangor Mobile Library, PPAS juga mengadakan usahasama dengan pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) untuk membina perpustakaan berkonsep kontena di kawasan perumahan berpendapatan rendah B40, iaitu Perpustakaan Awam Selangor @ PJKita Community Library di PJS 6, Kampung Lindungan, Petaling Jaya. Perpustakaan ini telah beroperasi secara rasmi pada 1 Ogos 2018.
- 1.9 Projek ini juga turut mendapat kerjasama penuh daripada komuniti penduduk setempat yang terlibat semasa proses perancangan melalui program “Community Engagement” yang dilaksanakan oleh EPIC Communities (Extraordinary People Impacting Community) di mana input penduduk setempat diambil kira dalam menyediakan landskap dan aktiviti luaran perpustakaan.
- 1.10 Justeru itu, Pihak Kerajaan Negeri Selangor dan PPAS amat menyokong sekiranya terdapat di kalangan ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi untuk mengadakan *smart partnership* dengan pihak PPAS untuk kemudahan komuniti B40 di kawasan masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : JOM SHOPPING

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Samada kerajaan sudi memikirkan semula program jom shopping dan mengguna dana tersebut untuk pelaburan sumber manusia jangka masa panjang contohnya pendidikan, biasiswa dan lain-lain?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa tuntas dalam menyelusuri pelbagai inisiatif untuk membantu mengurangkan masalah kemiskinan yang kian menghimpit rakyat. Antara inisiatif tersebut adalah Program Pemberian Bantuan Secara Baucar untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan atau lebih dikenali sebagai Program *Jom Shopping*. Program tersebut merupakan program bantuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri secara tahunan sejak tahun 2012 melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi yang bermatlamat meringankan bebanan keluarga yang kurang berkemampuan dalam membuat persiapan menyambut perayaan. Melalui program ini, setiap keluarga yang kurang berkemampuan berpeluang membuat pembelian barangan keperluan bernilai RM100 di pasar raya terpilih bersempena tiga (3) perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali. Dengan peruntukan berjumlah RM8.4 juta dan sasaran tahunan seramai 84,000 orang penerima manfaat, program ini merupakan salah satu daripada empat puluh dua (42) Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang mengutamakan kebajikan rakyat serta memberikan kesan langsung terhadap kesejahteraan hidup rakyat Negeri Selangor.

Selain daripada program ini, Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan pelbagai program bantuan kebajikan yang lain seperti Program Kasih Ibu *Smart* Selangor (KISS) yang mempunyai matlamat yang sama dalam menjamin kesejahteraan hidup rakyat.

Program-program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang telah menjadi sanubari kepada rakyat Selangor ini akan terus diperkukuh dan dipelbagai oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan rakyat Selangor terus maju dan tidak ketinggalan dalam arus pembangunan. Di samping program-program kebajikan, Kerajaan Negeri sentiasa proaktif dan peka dalam memastikan jaminan serta peluang pendidikan di peringkat yang lebih tinggi supaya terus dinikmati oleh rakyat Negeri Selangor.

Justeru itu, Kerajaan Negeri telahpun selangkah di hadapan dalam memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk sektor pendidikan.

Sebagai contoh, pada tahun 2018, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan amaun yang cukup besar iaitu berjumlah RM101.73 juta khusus untuk sektor pendidikan tinggi. Antara inisiatif tersebut adalah merangkumi Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisas *Smart* Selangor (IKTISASS) dengan peruntukan RM52 juta, Program Peduli Siswa dan Peduli Siswa Timur Tengah dengan peruntukan RM10 juta, Program Pembangunan Modal Insan dengan kos peruntukan RM5.6 juta, Program Hadiah Pengajian Institusi Pengajian Tinggi (HPIPT) dengan peruntukan berjumlah RM8 juta dan pelbagai lagi. Program-program seumpama ini dapat memberikan keberkesanan dan impak positif yang bersifat jangka panjang kepada rakyat serta dilihat berupaya melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan tinggi, kompetitif dan berdaya saing.

Dalam memastikan rakyat terutamanya golongan kurang berkemampuan sentiasa mendapat manfaat serta terus menikmati kemakmuran dan kesejahteraan, Kerajaan Negeri mengalu-alukan sebarang syor atau cadangan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan melihat semula keperluan pelaksanaan Program *Jom Shopping* pada masa akan datang samada ianya masih relevan untuk diteruskan di samping memastikan setiap peruntukan bagi setiap inisiatif yang dirangka adalah sejajar dan bersesuaian dengan prestasi kewangan negeri serta senario ekonomi semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PROJEK PEMASANGAN SISTEM SOLAR DI PERKAMPUNGAN ORANG ASAL

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan di dalam projek pemasangan sistem solar di perkampungan orang asal dan adakah projek ini suatu penyelesaian yang mampan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bilangan Kampung Orang Asli yang terdapat di Negeri Selangor adalah sebanyak 74 Buah Kampung dan semakan dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Selangor mendapati bahawa semua kampung tersebut telah dilengkapi dengan tenaga elektrik daripada Tenaga Elektrik Berhad (TNB).

Walubagaimanapun, terdapat 3 buah perkampungan tambahan iaitu Kampung Orang Asli Sungai Relang, Gombak, Kampung Orang Asli Air Kuning, Petaling dan Kampung Orang Asli Sungai Buah, Sepang yang sebelum ini masih belum menerima tenaga elektrik daripada TNB. Sehubungan itu, pada Tahun 2018 Kerajaan Negeri dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia) telah melaksanakan Projek Perintis Pemasangan Sistem Fotovolta Suria (Photovoltaic) di Kampung Orang Asli Sungai Relang. Sebanyak 12 buah rumah di Kampung Orang Asli Sungai Relang akan menerima manfaat daripada pelaksanaan projek ini yang akan siap pemasangan pada Disember 2018.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kos pemasangan sistem solar di 12 buah rumah di Kampung Orang Asli Sungai Relang adalah sebanyak RM439,200.00. Walaupun kos ini agak tinggi, pemasangan sistem solar adalah satu-satunya pilihan yang ada bagi membekalkan elektrik kepada Kampung Orang Asli Sg Relang kerana ketiadaan talian tenaga elektrik daripada TNB pada masa ini. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan pemasangan sistem solar ini di 2 buah kampung lagi pada masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN PARIT DAN LONGKANG DI KAMPUNG-KAMPUNG

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Masih terdapat keraguan dalam mengenalpasti tanggungjawab agensi yang terlibat. Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan permasalahan ini?
- b) Apakah keputusan MTES (29)d/m.mmk.sel.(r)31001/5/50jld.37 bertarikh 20 april 2006 masih lagi terpakai? Jika ya, apakah terdapat peruntukan tambahan bagi PBT berkaitan keputusan ini?

JAWAPAN:

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 33/2018 yang diadakan pada 26 Oktober 2018 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 34/2018 pada 31 Oktober 2018 bersetuju agar Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim bersama Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam menyediakan inventori berkaitan bidang kuasa dan infrastruktur seperti jalan, longkang dan projek-projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) serta Pejabat Pembangunan Persekutuan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri Negeri Selangor agar penyelarasan tanggungjawab berkaitan infrastruktur dapat dilaksanakan segera.
Perkara ini turut dibincangkan di dalam Retreat Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri Selangor yang telah diadakan pada 10 hingga 12 November 2018 di mana jawatankuasa telah bersetuju perkara ini diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).
- (b) Semakan mendapati tiada keputusan-keputusan lain di peringkat Kerajaan Negeri yang membatalkan keputusan MTES tahun 2006 berkenaan. Hal ini akan diambilkira dalam penyelarasan yang akan dilaksanakan oleh UPEN kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa Rumah Selangorku telah ditawarkan dan berjaya dibeli?
- b) Berapa Rumah Selangorku masih dibina atau tidak ditawarkan lagi?
- c) Berapakah Rumah Selangorku yang telah diluluskan dan akan dibina dalam tiga tahun yang akan datang?

JAWAPAN:

- a) Jumlah unit Rumah Selangorku yang telah ditawarkan bermula dari tahun 2014 sehingga 31 Oktober 2018 sebanyak **30,692** unit. Manakala jumlah penawaran nama telah berjaya membuat pembelian Rumah Selangorku adalah sejumlah **23,658** pemohon.
- b) Sehingga 31 Oktober 2018, sebanyak **24,389** unit Rumah Selangorku yang telah memperoleh kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri iaitu sedang dalam pembinaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **2,661** unit yang boleh ditawarkan dengan melibatkan 9 fasa pembangunan.
- a) Secara keseluruhan, sebanyak **20,386** unit Rumah Selangorku telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan disasarkan untuk penyiapan secara berperingkat dalam tempoh 3 tahun akan datang sehingga tahun 2021. Projek-projek ini akan melibatkan 39 projek/fasa pembangunan di seluruh Negeri Selangor.

Tahun Sasaran Siap	Bilangan Projek / Fasa	Jumlah Unit
2018	10	4,496
2019	10	4,486
2020	5	3,372
2021	14	8,032
JUMLAH	39	20,386

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PELANCONGAN KESIHATAN

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mempergiat prospek industri pelancongan perubatan di Selangor memandangkan Selangor adalah pintu masuk utama negara?

JAWAPAN:

- a) Pelancongan Kesihatan atau Perubatan merupakan antara segmen pelancongan yang terpenting di Negeri Selangor berikutan penawaran khidmat penjagaan kesihatan dan rawatan perubatan yang kompetitif dan terbaik berbanding negeri lain di Malaysia mahupun negara-negara jiran. Tourism Selangor selaku agensi promosi pelancongan negeri telah mewujudkan satu unit khas yang fokus kepada segmen pasaran khusus (Niche Market) seperti, Pelancongan Kesihatan (Medical Tourism), Pelancongan Golf, Pelancongan Mesyuarat, Insentif, Persidangan, dan Pameran (MICE), dan Pelancongan Kapal Persiaran (Cruise Tourism).

Kerajaan Negeri bersama agensi pelancongan, hospital dan pusat jagaan kesihatan di Negeri Selangor telah bekerjasama dalam menjalankan aktiviti pemasaran dan juga promosi pelancongan kesihatan dengan menyediakan pakej-pakej rawatan menarik dengan harga berpatutan. Pihak Tourism Selangor telah menyenaraikan lebih 30 hospital dan pusat kesihatan kerajaan dan swasta yang pakar dalam penjagaan kesihatan di peringkat rantau dan antarabangsa untuk dipromosikan berdasarkan kemampuan menawarkan kemudahan dan kelengkapan yang mengikut kriteria pelancongan kesihatan.

Pada masa yang sama, Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) dengan kerjasama Tourism Selangor telah menyediakan pakej pelancongan dan sesi lawatan mengikut kepada permintaan pasaran. Pakej yang ditawarkan ini memberi peluang kepada pesakit dan keluarga untuk melawat beberapa tempat yang menarik khususnya di sekitar dan berdekatan dengan pusat rawatan mereka.

Sebagai tanda usaha Kerajaan Negeri bersungguh dan mengambil peluang dalam industri pelancongan kesihatan, Kerajaan Negeri telah menganjurkan **Selangor Wellness and Living Expo (SWELL)** pada dua tahun berturut-turut iaitu pada Tahun 2016 dan Tahun 2017. Kerajaan Negeri juga menyokong penuh dan mengambil bahagian di dalam **Malaysian Innovative Healthcare Symposium** bertempat di International Medical University Malaysia juga pada tahun 2017 yang lalu.

Antara pasaran utama pelancongan kesihatan di negeri Selangor adalah dari negara Indonesia, Singapura, dan Timur Tengah di samping Vietnam, China dan India sebagai peluang baharu berdasarkan pasaran teras dan jumlah pelancong kesihatan, serta potensi pertumbuhan pasaran masing-masing menurut kajian Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH
(N28 SERI KEMBANGAN)**

**TAJUK : ISU SAMBUNGAN TRAFIK ANTARA TAMAN BUKIT SERDANG
SEKSYEN 14 DENGAN LEBUHRAYA BUKIT JALIL**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri akan berbincang dengan Kerajaan Pusat dan DBKL untuk mencari satu pendekatan bagi membuka satu jalan baru di antara Taman Bukit Serdang Sek 14, Technology Park Malaysia dan Lebuhraya Bukit Jalil untuk menyuraikan trafik di kawasan yang berkenaan?

JAWAPAN:

- a) Jalan sambung antara Bukit Serdang dengan Lebuhraya Bukit Jalil telah pun dibina iaitu melalui jalan PBS 14/1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK SEKOLAH SEKOLAH KERAJAAN

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan dan dasar Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa sekolah-sekolah kerajaan mendapat bantuan demi memastikan suasana tempat belajar dalam keadaan selesa dan selamat untuk murid-murid serta guru-guru?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan Program Bantuan Sekolah bermula tahun 2009 sehingga tahun ini. Program ini merupakan bantuan dana untuk penambahbaikan infrastruktur sekolah-sekolah di Negeri Selangor agar selamat dan kondusif. Oleh itu sepanjang pelaksanaannya agihan bantuan yang telah diberikan kepada sekolah-sekolah seperti berikut :

- I. sebanyak 400 buah Sekolah Agama Rakyat yang terdiri daripada Sekolah Tahfiz, KAFA, Madrasah dan Pondok telah menerima bantuan;
- II. sebanyak 111 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan termasuk 4 buah Sekolah Menengah Persendirian Cina;
- III. sebanyak 97 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil menerima bantuan; dan
- IV. yang terkini sebanyak 5 buah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dan 23 buah sekolah mubaligh turtu diberikan bantuan.

Bantuan ini diagihkan mengikut keperluan sekolah-sekolah. Keutamaan yang menjadi pertimbangan pihak Kerajaan Negeri ialah isu-isu yang berkaitan keselamatan dan keselesaan dalam pembelajaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PROMOSI PELANCONGAN SELANGOR SECARA BERSEPADU

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat usaha mempromosi tempat pelancongan di seluruh Selangor dalam bentuk satu pakej dan bukannya terpisah-terpisah?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah menyediakan beberapa pakej pelancongan berdasarkan permintaan pasaran domestik dan antarabangsa. Pakej-pakej tersebut turut dirangka dengan kerjasama agensi pelancongan, syarikat penerbangan dan juga persatuan pelancongan seperti Malaysian Association of Tour & Travel Agents (MATTA) dan Malaysia Association of Hotels (MAH).

Pakej pelancongan yang telah dihasilkan tersebut disusun secara menyeluruh meliputi seluruh negeri berdasarkan permintaan dan pasaran yang mempunyai pelbagai pilihan serta boleh diubah mengikut keperluan para pelancong.

Sebagai contoh, bagi pasaran pelancong daripada Negara Jepun dan Korea, segmen pelancongan pilihan yang ditawarkan adalah pelancongan kebudayaan dan warisan, pelancongan agro serta inap desa (homestay) dan pelancongan eko serta alam semula jadi di mana destinasi tumpuan utama melawat Bandar Diraja Klang, Istana Alam Shah, Inap desa di sekitar Sabak Bernam, Bukit Malawati, Sky Mirror dan Masjid Biru, Shah Alam meliputi perjalanan selama empat (4) hari tiga (3) malam bermula di Shah Alam seterusnya ke Klang, Kuala Selangor, Sabak Bernam dan berakhir di Shah Alam semula.

Beberapa pakej yang telah tersedia dan dilancarkan mengikut permintaan pasaran adalah seperti yang berikut:-

BIL	PASARAN	SEGMENT PELANCONGAN PILIHAN	DESTINASI PELANCONGAN	PAKEJ MENGIKUT DAERAH
1	Jepun/ Korea	1)Warisan (Heritage) 2) Kebudayaan (Culture) 3) Agro Tourism/ Homestay 4) Eko & Alam Semulajadi	1) Klang Bandar Diraja 2) Lawatan Ke Istana Alam Shah 3) Lawatan ke Homestay 4) Bukit Malawati 5) Sky Mirror 6) Masjid Biru Shah Alam	Shah Alam – Klang – Kuala Selangor – Sabak Bernam 4 hari 3 malam
2	China	1) Membeli-belah 2) Pantai	1) Sunway Pyramid 2) Mitsui Outlet Park	Klang- Subang Jaya- Sepang

		<ul style="list-style-type: none"> 3) Makanan 4) Kebudayaan 5) Warisan 6) Eko dan Alam Semulajadi 	<ul style="list-style-type: none"> 3) Batu Caves 4) Bak Kut Teh Klang 5) Durian SS2 6) Sekinchan 7) Dong Zen Temple 	<ul style="list-style-type: none"> – Gombak – Petaling Jaya – Sabak Bernam <p>3 hari 2 malam</p>
3	Eropah	<ul style="list-style-type: none"> 1) Eko dan Alam Semulajadi 2) Sukan Lasak (Adventure) 3) Warisan 4) Kebudayaan 5) Pelancongan Mewah (Luxury) 	<ul style="list-style-type: none"> 1) Kuala Kubu Bharu 2) Bukit Jugra 3) Batu Caves 4) Klang 5) Avani Sepang Goldcoast Resort 6) Bandar Diraja Klang 	<ul style="list-style-type: none"> Seluruh Negeri Selangor <p>8 hari 7 malam <i>Ride & Travel Package</i></p>
4	India/ Timur Tengah	<ul style="list-style-type: none"> 1) Taman Tema 2) Membeli Belah 3) Pelancongan Mewah (Luxury) 4) Pelancongan Sukan 5) Pelancongan Pendidikan 	<ul style="list-style-type: none"> 1) Sunway Lagoon 2) Cyberjaya (Education Tourism) 3) Mitsui Outlet Park 4) One Utama 5) Sepang Circuit 	<ul style="list-style-type: none"> Selangor – Petaling Jaya-Subang Jaya – Shah Alam <p>5 hari 4 malam</p>

5	Asean	<ul style="list-style-type: none"> 1) Membeli-belah 2) Agro / Homestay 3) Makanan 4) Kebudayaan 5) Warisan 6) Alam Semulajadi 7) Pelancongan Kesihatan 8) Taman Tema 	<ul style="list-style-type: none"> 1) Sunway Medical Centre 2) Satay Kajang 3) Homestay 4) Kidzania 6) The Curve 7) I-city Shah Alam 	<p>Sepang – Kajang – Petaling Jaya – Kuala Selangor- Klang – Shah Alam – Subang Jaya</p> <p>3 hari 2 malam</p>
---	-------	--	--	--

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : PERKAHWINAN BAWAH UMUR

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa permohonan dan kelulusan untuk perkahwinan di bawah umur 18 yang dicatatkan untuk tahun 2018 sehingga 31 October di Negeri Selangor?
- b) Sila senaraikan butiran termasuk jantina, kaum dan permohonan mengikut daerah-daerah di Negeri Selangor

JAWAPAN:

Soalan (a) dan (b) dijawab bersekali:-

Berdasarkan kepada rekod pendaftaran kes di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS), jumlah Permohonan Kebenaran Nikah Bawah Umur (berdasarkan peruntukkan sedia ada iaitu lelaki kurang 18 tahun dan perempuan kurang 16 tahun) bagi orang Islam yang didaftarkan di Negeri ini bagi tahun 2018 sehingga 31 Oktober adalah sebanyak **48 kes**. Daripada jumlah tersebut sebanyak **34** permohonan diluluskan dan **14** permohonan ditolak. Data terperinci adalah seperti berikut :

Daerah	Jantina	Jumlah Permohonan	Diluluskan	Ditolak
Gombak Barat	Lelaki	3	1	2
	Perempuan	3	1	2
	Jumlah	6	2	4
Gombak Timur	Lelaki	2	2	-
	Jumlah	2	2	-
Hulu Langat	Lelaki	5	5	-
	Perempuan	3	3	-
	Jumlah	8	8	-
Hulu Selangor	Lelaki	2	-	2
	Perempuan	1	-	1
	Jumlah	3	-	3
Klang	Lelaki	4	3	1
	Perempuan	4	3	1

Daerah	Jantina	Jumlah Permohonan	Disuluskan	Ditolak
	Jumlah	8	6	2
Mela Langkat	Lelaki	4	3	1
	Jumlah	4	3	1
Mela Selangor	Lelaki	3	2	1
	Perempuan	3	1	2
	Jumlah	6	3	3
Melaing Jaya	Lelaki	1	1	-
	Perempuan	1	1	-
	Jumlah	2	2	-
Melaak Bernam	Lelaki	1	1	-
	Perempuan	1	1	-
	Jumlah	2	2	-
Melaang	Lelaki	1	1	-
	Jumlah	1	1	-
Mela h Alam	Lelaki	3	2	1
	Perempuan	3	3	-
	Jumlah	6	5	1
Mela h	Lelaki	29	21	8
	Perempuan	19	13	6
	Jumlah	48	34	14

Bagi perkahwinan bawah umur bukan Islam, data tersebut di bawah kawalan Jabatan Pendaftaran Negara.